



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar Berita Harian - GST Tidak Naik Selepas PRU-14

Berita Harian - GST Tidak Naik Selepas PRU-14

🕒 Selasa, Dis 26 2017



Othman melawat kaunter Wang Tidak Dituntut selepas Sesi Perjumpaan Parlimen Jerlun di Kodiang, semalam.

GST tidak naik selenas PRU-14

Pekeliling Perbendaharaan



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami



BH 26/12

➔ Hasil cukai 6 peratus kembali kepada rakyat menerusi pelbagai bantuan

Oleh Mohd Sharumnisham Shahbudin
bhnews@bh.com.my

Kubang Pasu

Kerajaan tidak beradang menaikkan kadar Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang dilaksanakan sekarang biarpun selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) nanti.

Timbalan Menteri Kewangan 1, Datuk Othman Aziz, berkata kadar enam peratus yang dikenakan pada masa ini adalah berpatutan dan relevan dan terendah berbanding di negara Asia dan Eropah.

"Kita juga menafikan bahawa GST ini menjadi punca utama kenaikan harga

barang hari ini kerana kenaikan harga ini berpunca daripada pelbagai faktor seperti logistik, pengangkutan dan kadar tukaran mata wang asing,

Serah kembali kepada rakyat

"GST ini terbukti satu landasan yang tepat yang dibuat kerajaan kerana akan diserahkan kembali kepada rakyat melalui pelbagai bantuan kepada semua golongan seperti nelayan, petani, penoreh dan juga kepada rakyat melalui Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Sesi Perjumpaan Parlimen Jerlun di Dewan Kodiang semalam.

Othman yang juga Ahli

Parlimen Jerlun turut menegaskan bantuan yang diumumkan dalam Bajet 2018 bukannya dedak seperti anggapan setengah pihak.

"Rakyat perlu sedar bahawa ia adalah satu dasar kerajaan dalam membantu meringankan bebanan hidup rakyat.

"Dahulu cuma nelayan dan penoreh sahaja yang menerima manfaat tetapi kali ini golongan pesawah turut menerima manfaat sebanyak RM200 sebulan selama tiga bulan sementara menunggu padi dituai," katanya.

Terdahulu, Othman yang juga Ahli Parlimen Jerlun menjadi moderator membicarakan masalah rakyat yang dikemukakan secara terus kepada ketua agensi kerajaan.



GST ini terbukti satu landasan yang tepat yang dibuat kerajaan kerana akan diserahkan kembali kepada rakyat melalui pelbagai bantuan kepada semua golongan"

Othman Aziz,

Timbalan Menteri Kewangan 1

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian |
Peta Laman | Bantuan | Arkib | Undian